

## ALAM DAN KEHIDUPAN BANDAR DALAM KUMPULAN CERPEN KEINGINAN KECIL DI CELAH DAUN

Saravanan P. Veeramuthu

### ABSTRAK

*Jika ditelusuri jagat penulisan kesusasteraan moden dan pascamoden ini, kehadiran bandar sebagai latar dalam sesuatu karya sudah menjadi lumrah universal. Dalam konteks ini kehadiran bandar dalam wacana kesusasteraan menjurus kepada dua aspek. Pada satu pihak kehadiran bandar dalam sastera berfungsi sebagai penggambar suasana pekan dan satu lagi yang lebih cenderung untuk melihat watak sebagai inti pati kehidupan bandar. Kertas kerja ini akan meneroka nuansa kedua-dua pendekatan tersebut dengan menggunakan kumpulan cerpen Keinginan Kecil di Celah Daun karya Saorja Theavy Balakrishnan. Dengan menggunakan cerpen-cerpen yang terdapat dalam kumpulan ini, watak-watak yang menjadi pusat perkembangan cerita akan dilihat sebagai refleksi kehidupan bandar dan pelestarian. Kita akan melihat bagaimana imej bandar tersebut dirangka berdasarkan watak dalam sesuatu karya. Hal ini kerana bandar ini mungkin wujud sebagai imej yang menonjol dan tersergam dalam dunia penulisan sastera tetapi pengalaman watak itulah yang sebenarnya membolehkan imej tersebut dan persepsi naratif bandar hidup dalam sesebuah karya. Hal ini dikatakan demikian kerana bandar dalam karya sastera bukan sesuatu yang dicipta semata-mata tetapi lebih menjurus kepada sikap dan keadaan fikiran yang didukung oleh sesuatu watak. Oleh itu, suasana bandar dalam setiap satu cerpen yang terdapat dalam kumpulan ini akan dilihat sebagai sebahagian daripada unsur subjektiviti yang lebih besar.*

**Kata kunci; alam sekitar, cerpen, pelestarian, kehidupan bandar, Saorja Theavy Balakrishnan.**

### ABSTRACT

*A closer examination of modern and post-modern literature would reveal the urban landscape as a seemingly predominant or universal feature. Town life or urban life in the context of literature pertains to two aspects: on one hand it portrays the intricacies of an urban environment, and on the other provides insight into the psyche of characters immersed in urban life. This paper explores the nuances of both aspects in Saorja Theavy Balakrishnan's Keinginan Kecil di Celah Daun short story anthology. Through the stories, the presence and sustainability of urban life is reflected in the thoughts of the central characters. We will discern how the image of urban life is formed according to the characters in the stories. The town or city might project as a stand-out feature in the literary world; however it is actually the experiences of the characters that enable readers to visualise images and form perceptions of the urban narrative. The urban landscape in literary works is not a mere construction; rather it aims to exemplify the attitude and thoughts embedded in the characters. Hence the urban landscape in the short stories in Saorja Theavy's anthology could be viewed as an integral part of a much wider subjective element.*

**Keywords: nature, short stories, sustainability, urban life, Saorja Theavy Balakrishnan.**

### PENGENALAN

Isu tentang alam semula jadi kini mendapat perhatian serius. Sikap manusia terhadap alam dan eksploitasi yang dilakukan oleh umat dunia ini secara besar-besaran terhadap alam sekitarnya telah mengheret dunia kita menuju ke arah kerosakan ekologi yang sekali gus turut mengancam kelangsungan hidup manusia itu sendiri. Dalam konteks ini, jika kita menelusuri kamus kehidupan penduduk bandar, jelas terpancar keterputusan hubungan manusia dengan alam sekitar dan proses semula jadi sama ada secara kognitif ataupun secara fizikal. Hal ini berlaku sebagai akibat daripada gaya hidup yang menjadi pilihan penghuni bandar tersebut. Keadaan ini pula seterusnya terpancar melalui tingkah laku mereka terhadap alam sekitar akibat pengetahuan dan pemahaman cetek terhadap proses-proses alam semula jadi kerana terlalu dikuasai oleh keinginan untuk mengejar hidup (Hester, 2006). Akibatnya, manusia di bandar sudah hilang pedomannya terhadap alam semula jadi kerana mereka memupuk sikap yang melihat penggunaan sumber asli secara berlebihan dan ini menyebabkan kemusnahan kepada bumi.

Dari perspektif yang berbeza, Mana Sikana (2005) pernah berkata bahawa pengarang adalah milik alam sekitarnya. Hal ini mungkin kerana unsur-unsur alam memainkan peranan yang penting dalam kehidupan manusia. Unsur alam ini juga boleh dikatakan membantu manusia melangsungkan hidupnya (Maniyamin Hj. Ibrahim, 2005) dan tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan kita sebagai manusia. Maharam Mamat (2009) pula berpendapat bahawa unsur alam sekitar merupakan sebahagian daripada elemen yang digunakan oleh seseorang pengarang dalam karyanya. Penggunaan elemen alam sekitar ini tidak sekadar berfungsi untuk menghidupkan latar tempat tetapi elemen ini juga berupaya untuk menyuguhkan tema cerita dengan lebih menarik di samping menguatkan karya kerana alam ini digunakan sebagai wadah perlambangan untuk menyerlahkan pemikiran. Di samping itu, elemen alam dalam karya kreatif berperanan untuk mempamerkan unsur semiotik yang menuntut kebijaksanaan pembaca untuk membuat tafsiran yang lebih bermakna.

Tinjauan terhadap kajian yang lepas jelas memperlihatkan bahawa penulis ini telah diteliti oleh beberapa orang pengkaji sebelum ini. Kajian Noor Radzi bin Suratman (2001) yang bertajuk “Karya-karya Cerpen Penulis Generasi Baru” mendapati bahawa Saroja Theavy telah menggunakan persekitaran flora dan fauna sebagai imej dalam setiap karya penulisannya. Namun kajian ini tidak mengupas dengan lebih mendalam. Kajian Siti Hajar Che Man (2012) pula hanya memberi tumpuan kepada aspek kepengarangan Saroja Theavy. Kajian ini cuma menyorot aspek gaya penyampaian dalam cerpen-cerpen Saroja Theavy dalam kumpulan *Keinginan Kecil Di Celah Daun* dan berkecenderungan untuk mengkaji keistimewaan dan kelainan yang terdapat dalam cerpen-cerpen tersebut. Nirmala Kuppusamy (2014) dalam kajian sarjananya pula telah mengkaji elemen gejala sosial dalam cerpen-cerpen Saroja Theavy dengan menggunakan pendekatan sosiologi. Satu lagi kajian peringkat sarjana yang telah dilakukan oleh Logeswary (2017) dengan menggunakan cerpen-cerpen Saroja Theavy. Namun demikian kajian ini telah mendekati karya Saroja Theavy dari sudut feminisme. Kajian Saravanan (2013) merupakan salah satu kajian yang telah melihat kumpulan cerpen ini dalam konteks alam sekitar. Kajian yang bertajuk “*Keinginan Kecil Di Celah Daun: Satu Analisis Kritikan Eko*” dalam Seminar Sastera Pelbagai Kaum mengupas kumpulan cerpen ini dalam konteks kritikan Eco. Tinjauan terhadap kajian lepas menunjukkan bahawa isu alam sekitar tidak banyak diperkatakan dalam kajian-kajian tersebut dan tumpuan lebih cenderung kepada elemen-elemen lain yang terdapat dalam kumpulan cerpen ini atau pengarangnya.

Rasional untuk pemilihan ini juga didorong oleh realiti bahawa wujud kecenderungan dalam diri penulis ini untuk menyelitkan alam sekitar dalam latar penulisannya. Dalam konteks ini, Saroja Theavy yang menjadi penulis kumpulan cerpen kajian ini telah merumuskan bahawa

Sejujurnya, indah alam hijau di Tanah Hijau ini merupakan inspirasi yang sukar saya sangkal. Namun tidak benar jika saya katakan yang saya mula menulis kerana ingin membela nasib ribuan fauna dan flora yang mengisi jasad pertiwi. Bukan itu sebabnya saya kira, mengapa saya menulis pada mulanya, walaupun saya cenderung ke arah itu sekarang.

(Saroja Theavy, 2003a:7)

Kenyataan Saroja Theavy dengan jelas menunjukkan kecenderungan yang mendominasi penulisannya yang ternyata berpijak kepada keinginan untuk menggarap tema atau latar yang berkaitan dengan alam dalam karya-karya yang dihasilkannya. Dalam membicarakan hal yang sama Krishanan Maniam (2003, 9-10) pula berpendapat bahawa Saroja Theavy “telah menghasilkan karya-karya pragmatik iaitu karya-karyanya disusun untuk mencapai kesan-kesan tertentu pada pembaca dan Saroja Theavy telah berjaya dalam penghasilan dan pencapaian tujuannya. Dalam semua cerpen, beliau telah menonjolkan kepentingan penjagaan alam sekitar.”

Malahan seorang lagi pengkaji tempatan iaitu Raja Rajeswari (Utusan Malaysia 6 November 2005) juga pernah mengulas tentang kecenderungan yang kelihatan dalam hasil nukilan Saroja Theavy. Antaranya Rajeswari berpendapat bahawa “...seperkara yang ketara dalam cerpen-cerpen Saroja Theavy ialah kecenderungan untuk berbicara tentang alam sekitar, flora dan fauna. Malah alam sekitar amat akrab dan sinonim dengan cerpenis wanita ini. Justeru, beliau gemar menyelitkan unsur-unsur alam dalam karya beliau. Ideologi beliau yang ingin membela nasib flora dan fauna tercermin dalam karyanya.” Sehubungan dengan itu, Saroja Theavy telah dipilih sebagai penulis untuk melihat elemen alam ini. Selain itu, kajian ini cuba melihat kumpulan cerpen *Keinginan Kecil di Celah Daun* melalui prespektif alam semula jadinya kerana dalam kumpulan cerpen *Keinginan Kecil Di Celah Daun* ini, pelbagai isu tentang manusia, bandar dan pelestarian yang disentuh secara kreatif oleh penulis. Bertitik tolak daripada pendapat ini, kajian ringkas ini bertujuan untuk melihat sejauh manakah isu alam sekitar telah dieksploitasi dalam karya cerpen-cerpen nukilan Saroja Theavy Bala Krishanan dalam kumpulan cerpen *Keinginan Kecil di Celah Daun*. Lantaran itu, fokus kajian ini cuba meneliti sejauh manakah kehadiran bandar dalam karya-karya kreatif ini melakarkan kehidupan bandar dan pelestarian kehidupan penghuni bandar pada era pemandaran yang dirakamkan dalam bentuk dokumen kesusasteraan. Secara ringkasnya dua aspek akan disentuh dalam kertas kerja ini, yakni kehadiran bandar dalam sastera sebagai penggambar suasana pekan dan watak-watak yang dihadirkan dalam cerpen tersebut sebagai inti pati kehidupan bandar dan pelestarian.

Kajian ini akan menggunakan pendekatan kualitatif. Analisis kandungan yang melalui empat peringkat yakni bacaan umum, bacaan semula secara analitikal, pengelompokan dan pengorganisasian idea dan mentafsir idea serta membuat kesimpulan seperti yang disarankan oleh Titcher et. al (2000) akan digunakan untuk mentafsir data.

#### **ALAM, KEHIDUPAN BANDAR DAN PELESTARIAN**

Secara mudahnya pelestarian merujuk kepada pembangunan mampan. Di peringkat antarabangsa pelestarian merujuk kepada pembangunan yang memenuhi keperluan masa ini tanpa menjejaskan keupayaan generasi akan datang untuk memenuhi keperluan mereka sendiri (WCED 1987). Kita sedia maklum bahawa isu perubahan iklim menjadi salah satu masalah yang kini membayangi kehidupan manusia di era moden ini. Isu ini telah diangkat dengan berkesan dalam cerpen bertajuk ‘Di Sepenjuru Pantai Peru’. Secara ringkasnya cerpen ini mengutarakan kisah hidup seekor anak singa laut yang bernama Inka setelah kehilangan ibu bapanya. Latar cerita ini mengambil kawasan pantai Punta San Juan yang terletak di Peru yang terjejas kerana El-Nino. Akibatnya pantai ini menjadi mala petaka kepada pelbagai spesies laut dan darat akibat keadaan iklim ekstrem. El Nino merujuk kepada keadaan cuaca yang berlaku antara Jun dan Disember yang dikatakan berlaku kerana perubahan dalam corak angin (<http://skepticalscience.com/this-year-el-nino-real-enigma.html>). Udara yang lebih panas membawa kepada ayunan antara kawasan perairan sejuk dan panas membawa kepada suhu lautan yang lebih panas daripada biasa. Kesan ini telah disentuh dengan menarik dalam petikan cerpen ini

Segala-galanya sudah berubah. Tempat ini sudah bertukar wajah. Dahulu, semenanjung kecil syurga bagi makhluk seperti kita, tetapi kini sudah menjadi neraka, tanah perkuburan.

(Saroja Theavy, 2003b: 83)

Dalam cerpen ini Saroja Theavy membawa pembaca untuk menyusuri kehidupan seekor haiwan yang semakin terancam dan ancaman ini sebenarnya berakar umbi kepada sikap masyarakat yang tidak cakna terhadap isu-isu pelestarian dan tidak peka terhadap alam. Watak Inka ini menyuntikkan sedikit kesedaran secara bersahaja tentang fenomena El Nino dan kesannya kepada hidupan akuatik. Jelaslah bahawa melalui watak ini Saroja Theavy telah menggambarkan kehidupan masyarakat moden yang tidak membantu pelestarian alam semula jadi. Lihat kutipan berikut

Cucu, banyak perkara yang menyebabkan kejadian el-Nino. Puncanya yang utama ialah sikap sesetengah manusia yang tamak. Beribu-ribu batang pohon sudah ditebang. Hutan musnah. Gas beracun mengisi ruang angkasa. Dunia menjadi tenat. El-Nino ialah penyakit yang melanda dunia ini.

(Saroja Theavy, 2003b: 86)

Petikan ini pula mendedahkan puca-punca yang menyebabkan alam semula jadi menjadi mangsa kealpaan manusia. Cerpen ini memberi pendedahan kepada pembaca untuk lebih prihatin terhadap alam semula jadi dan memandang isu pelestarian alam sebagai agenda utama dalam kehidupan manusia.

Burung gagak juga sering dikaitkan dengan kehidupan penduduk bandar. Pada dasarnya gagak wujud di kawasan bandar terutamanya di kawasan yang dipenuhi dengan sampah. Menurut kajian Nurul Ashikin Alias dan Halimaton Saadiah Hashim (2016) gagak dikenali sebagai organisma perosak kerana ciri-cirinya yang tidak bersih dan bising. Gagak ini sering dijumpai di kawasan berhampiran pasar yang bersepadu dan kawasan pembuangan sampah yang tidak diselenggarakan serta diuruskan dengan baik. Di Malaysia, kawasan 'hot spot' untuk burung gagak membuat sarang adalah di kawasan Lembah Klang iaitu di Kuala Lumpur, Kajang dan Klang yakni kawasan berhampiran dengan Kuala Lumpur. Kehadiran burung ini memberi petunjuk bahawa kawasan tersebut tidak bersih dan dalam hal ini kawasan tersebut dirumuskan sebagai bandar miskin dari aspek kebersihan dan kesihatan. Lantaran itu, isu perbandaran ini perlu ditangani dengan berkesan dan burung gagak perlu dikawal untuk mengekalkan masalah kesihatan yang meluas kerana bilangan penduduk meningkat. Di Malaysia, kaedah menembak merupakan salah satu cara kawalan untuk menangani isu binatang perosak bandar ini. Pengurusan yang bijak terhadap organisma perosak ini merupakan isu yang sangat penting perlu dilakukan dan kemungkinan dengan langkah perundangan yang lebih kukuh oleh pihak berkuasa demi mengawal kesihatan manusia dan kesan negatif kepada alam sekitar, ekonomi dan ternakan diminimumkan.

Isu gagak di negara kita ini telah disentuh secara halus oleh Saroja Theavy dalam cerpen bertajuk 'Pengantin Hitam'. Cerita ini cuba mengungkapkan nasib seekor burung gagak yang menanti kedatangan kekasihnya. Burung ini menjadi mangsa pihak berkuasa tempatan yang cuba membersihkan imej bandar yang tercemar dengan kehadiran burung ini secara kejam. Penulis cuba membawa kita untuk menilai tindakan manusia terhadap burung-burung ini sedangkan pada suatu masa dahulu burung-burung itu dibawa ke Malaysia untuk memakan ulat di ladang-ladang kopi. Cerpen ini juga cuba memaparkan tabiat manusia pada era moden ini yang menjadi penyumbang utama kepada pembuangan sampah sarap yang tidak *biodegradable*. Akibatnya, alam sekitar tercemar dan tapak-tapak pelupusan sampah menjadi penuh. Saroja Theavy melihat burung-burung ini sebagai pembantu kepada umat manusia untuk menghapuskan sampah sarap yang dihasilkan oleh penghuni kota. Cerpen ini mengambil sudut pandangan seekor gagak betina yang kehilangan pasangan tetapi membuat kita terfikir akan cara kita mengendalikan penghuni bandar yang tidak diterima ini. Menurut Nurul Ashikin Alias & Halimaton Saadiah Hashim (2016) kehadiran burung gagak terbukti memudaratkan manusia kerana menjadi salah satu faktor penyakit kepada manusia dan ternakan tetapi menembak tanpa sistem pengurusan yang terancang mampu menimbulkan lebih banyak masalah.

Saroja Theavy dalam 'Kilau-Kemilau Kandil Hijau' pula mengangkat tema alam sekitar dan pelestarian. Olahan yang mengutamakan kesedaran terhadap alam semula jadi dibincuh dengan baik dalam perkembangan plot cerita ini. Saroja Theavy melalui watak Dr. Adnan cuba memperjuangkan perkembangan teknologi yang mesra alam dalam mengejar perkembangan. Sektor koporat yang menjana perkembangan ilmu harus menilai semula prosedur kerja demi melestarikan alam semula jadi ini. Sebagai warga yang prihatin kita tidak sekadar menyumbang wang untuk tujuan pemuliharaan dan pemeliharaan alam semula jadi ataupun sekadar berpuas hati dengan menaja penyelidikan pihak tertentu untuk melaksanakan kerja-kerja penjagaan alam semula jadi. Agak kemas pengolahan ini dalam karya ini yang bertujuan untuk menuntut kita menyuburkan pemikiran yang mesra alam dalam sebarang tindakan kita terutama dalam kerasukan manusia moden mengejar kebendaan. Pengarang juga kelihatan bijak dalam memilih latar cerita, memanfaatkan teknik imbas kembali, plot, perlambangan, dialog dan monolog secara menarik dan sesuai dengan ceritanya. Cerpen ini menggarap pendidikan kesedaran kepada pembaca serta mengajak mereka menilai semula pandangan dan sikap mereka terhadap alam sekitar.

Pembangunan merupakan satu proses yang lumrah pada masa ini khususnya di negara-negara membangun. Di Malaysia, keadaan ini berkembang seiring dengan proses transformasi daripada kawasan luar bandar menjadi bandar khususnya pada era pasca kemerdekaan. Menurut Jabil Mapjabil, Mazdi Marzuki dan Zikri Muhammad (2014), dianggarkan 65 peratus kawasan di Malaysia telah menjadi zon bandar. Proses transformasi ini menyaksikan perubahan yang meliputi fizikal bentuk muka bumi, elemen sosial, ekonomi, pemikiran, nilai dan taraf hidup penduduk yang digambarkan lebih moden. Akibat transformasi ini kehidupan bandar sudah menjadi satu cara hidup yang penting dalam peradaban masyarakat di negara ini. Dalam proses transformasi sebuah kawasan luar bandar berubah menjadi bandar terdapat pelbagai kesan. Kesannya, kawasan berkenaan memiliki penduduk yang lebih padat dengan, di samping kawasan tersebut mengalami peningkatan kepelbagaian fungsi dan ekonomi serta peningkatan taraf hidup masyarakat. Proses ini juga berlaku kerana ketepuan pembangunan di kawasan bandar dan kawasan pembangunan yang sedia ada. Malahan perancangan yang tidak lestari di kawasan bandar turut memberi implikasi terhadap sosioekonomi dan budaya masyarakat bandar. Masyarakat menerima kesulitan dan tekanan yang dahsyat apabila tidak berupaya mengimbangi antara kepesatan pembangunan dengan taraf hidup mereka.

Dalam cerpen 'Bermain Dengan Pelangi' kita didedahkan dengan kesan negatif proses pembandaran kepada seorang gadis desa dan isu kehadiran buruh asing. Hasilnya, dia telah kehilangan mahkota dirinya dan terpaksa melahirkan anak laur nikah serta akibat tertekan membuang bayi yang telah dilahirkannya. Watak-watak dalam cerita ini mengisahkan nasib kehidupan segelintir masyarakat yang terpaksa melalui pelbagai cabaran dalam usaha mereka membuat adaptasi dengan kehidupan bandar. Cerpen ini membawa kita menilai nasib manusia kerdil ini dalam mengharungi kehidupan bandar dan tempian kesan sosial akibat proses pembandaran ini terhadap kehidupan mereka. Hal ini disentuh dalam cerita ini seperti berikut:

Mereka berasal dari estet yang sama di Kuala Kangsar walaupun sewaktu kecil mereka tidak saling mengenali. Ketika berhijrah ke kota lima tahun dahulu, barulah mereka menjadi akrab. Sejak itu mereka bekerja di kilang dan banyak asam garam hidup di kota telah mereka lalui bersama-sama.

(Saroja Theavy, 2003b: 6).

Cerpen ini cuba memaparkan sisi kebejatan hidup masyarakat bandar yang sering terdedah kepada pelbagai cabaran akibat kejutan budaya kehidupan bandar.

Keinginan untuk mengaut kekayaan, pengaruh teknologi dan kuasa antarabangsa telah mengakibatkan masyarakat dunia mengalami perubahan yang pesat (Castells, 1997). Menurut Rusniah Ahmad, Mohamed Naiem Ajis dan Saadon Awang (2014), pada era globalisasi dan informasi ini, dunia telah meningkatkan integrasi ekonomi, dan kerajaan menghadapi masalah untuk mengawal kawasan sempadan mereka sendiri. Kita perlu akui bahawa pengurusan migrasi merupakan sesuatu tanggungjawab yang kompleks dan mempunyai cabaran yang tinggi, ditambah dengan faktor keadaan geopolitik dan budaya yang amat menyukarkan pihak berkuasa untuk mengawal pengaliran warga asing (Kanapathy (2008). Kehadiran golongan ini turut membawa pelbagai masalah kepada Malaysia. Mereka mendatangkan pelbagai masalah dan memberikan ancaman kepada keselamatan negara. Ancaman keselamatan yang dimaksudkan tidak terhad dari aspek jenayah semata-mata, malah kehadiran mereka memberikan impak kepada aspek kualiti kehidupan, sosial, budaya, kesedaran kesihatan, hubungan politik, ekonomi dan lain-lain lagi (Rusniah Ahmad, Mohamed Naiem Ajis dan Saadon Awang, 2014). Golongan yang berhijrah ke bandar dibayangi oleh pelbagai masalah dan hal ini perlu diberi perhatian dalam perancangan dan pembangunan bandar. Malahan isu pekerja imigran turut dirakamkan dalam cerpen bertajuk 'Perempuan dari Jawa' yang mengangkat usaha pekerja asing yang sanggup menggadai nyawa untuk mengambil kesempatan terhadap peluang ekonomi yang terdapat di kawasan bandar di Malaysia. Cerpen ini mengajak pembaca untuk menilai kualiti hidup masyarakat khususnya di penempatan bandar. Mereka sering kesunyian dan mudah diperkuda oleh pihak-pihak yang cuba mengambil kesempatan terhadap kelemahan golongan seumpama ini. Isu kehadiran tenaga pekerja asing turut diselitkan secara halus dalam cerpen ini. Isu ini juga dapat dikesan dalam cerpen yang bertajuk "Bermain Dengan Pelangi".

Satu isu yang menjadi perkara biasa dalam kamus kehidupan masyarakat moden ialah kekurangan sumber air. Umum sedia maklum bahawa Malaysia sebenarnya mempunyai sumber bekalan air yang banyak. Namun demikian, dewasa ini bekalan sumber air bersih semakin berkurangan akibat permintaan terhadapnya semakin meningkat seiring dengan peningkatan jumlah populasi penduduk. Masalah ini timbul akibat daripada peningkatan jumlah penduduk dari semasa ke semasa, selain pelbagai kegiatan manusia pula mengakibatkan berlakunya pencemaran ke atas sumber air yang sedia ada. AWER (2010) telah meramalkan bahawa pertambahan yang drastik dalam permintaan bekalan air akan lebih menonjol pada tahun 2020. Hasilnya, krisis bekalan air bersih semakin meruncing terutamanya di kawasan bandar akibat timbul masalah untuk mendapatkan bekalan air bersih yang mencukupi bagi menampung segala aktiviti seharian. Peningkatan suhu global yang menyebabkan kadar kehilangan air berlaku dengan lebih cepat akibat daripada proses penyejatan air yang tinggi ke atmosfera turut menyumbang kepada keadaan ini. Isu bekalan air ini akibat cuaca di bandar telah diperjelas oleh Saroja Theavy dalam cerpen bertajuk 'Germis Dalam Kemarau'. Kekurangan ini dilukis dalam sudut pandangan watak seorang wanita yang terpaksa bergelut dengan pelbagai masalah untuk menguruskan rumah tangga. Masalah yang menjadi duri dalam daging dalam kalangan rakyat yang mendiami kawasan bandar dipaparkan dengan menarik dalam cerpen ini.

Selain itu, proses pembangunan pembandaran diberi tumpuan khusus dalam pembangunan wilayah dan pembangunan negara selepas Malaysia mencapai kemerdekaan. Hal ini seiring dengan usaha kerajaan untuk memanfaatkan sumber-sumber dan kemudahan bandar, menyediakan kepelbagaian peluang pekerjaan, dan memenuhi permintaan tempat tinggal kesan daripada peningkatan jumlah penduduk kawasan bandar. Pembentukan strategi dan pelan-pelan perancangan di peringkat makro dan mikro seperti dalam Rancangan Fizikal Negara (RFN), Rancangan Struktur Negeri (RSN), dan Rancangan Tempatan Daerah (RTD). Dasar-dasar ini bermatlamat untuk merapatkan jurang pemisahan antara masyarakat bandar dengan masyarakat luar bandar di samping mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan spatial antara wilayah (Rancangan Malaysia ke 4, 1981-85).

Dalam konteks ini, rumah menjadi salah satu keperluan asas yang penting kepada manusia di samping makanan dan minuman untuk hidup. Rumah yang didiami manusia menjadi petunjuk kepada taraf kehidupan seseorang itu. Rumah setinggan biasanya sering ditemui di kawasan bandar yang didiami manusia sebagai tempat berlindung. Secara mudahnya, kawasan setinggan merupakan kawasan perumahan haram yang didirikan tanpa kebenaran dari pihak berkuasa. Hal ini dikatakan haram kerana pendirian rumah setinggan itu tidak mendapat kelulusan dari pihak berkuasa termasuklah tanah tempat perumahan setinggan didirikan dan bentuk serta binaan rumah yang dibina tidak mengikut spesifikasi serta bahan dan binaan yang diluluskan (Utusan Malaysia, 25 Mac 2005). Cerpen 'Germis Dalam Kemarau' turut menyentuh tentang isu setinggan dalam bandar dan masalah yang ditempuh oleh mereka itu. Cerpen 'Germis Dalam Kemarau' membincangkan kehidupan golongan bawahan yang menjadi penghuni rumah-rumah setinggan dan kedaifan yang terdapat dalam kehidupan mereka. Antaranya



Dia menyapu sampah di lantai rumahnya yang sudah berlubang-lubang.

(Saroja Theavy, 2003b: 72)

dan

Selama 12 tahun tinggal di rumah papan di atas tanah haram itu, tidak pernah dia dan keluarga mengalami masalah air seteruk ini... Akan tetapi, kini sudah masuk empat bulan masalah ini membelit kehidupan mereka yang memang sudah dirantai kemiskinan.

(Saroja Theavy, 2003b: 72)

Saroja Theavy sebenarnya menggambarkan kehidupan golongan penghuni setinggan di bandar dalam cerpen ini. Proses pembandaran menjadi semakin rancak di Malaysia hasil daripada perkembangan ekonomi seperti perindustrian dan perdagangan serta perkhidmatan awam. Akibatnya, penduduk luar bandar berhijrah ke kawasan-kawasan bandar dengan harapan untuk memanfaatkan peluang pekerjaan yang menawarkan pendapatan yang lebih lumayan. Asan Ali Golam Hassan (2004) berpendapat bahawa penghijrahan penduduk luar bandar ini sebenarnya mengurangkan kadar kemiskinan di kawasan luar bandar. Di sebalik kemaslahatan ini, kehadiran golongan miskin di kawasan bandar tidak menyelesaikan masalah mereka tetapi membawa pula keadaan baharu iaitu kesinambungan kemiskinan dari kawasan luar bandar. Isi rumah miskin telah meningkat dari 77,900 dalam tahun 1993 kepada 95,000 orang dalam tahun 1995 dan daripada segi peratus pula, kemiskinan bandar yang berada pada 14.5 peratus pada tahun 1985 meningkat kepada 15.1 peratus pada tahun 1995. Isu ini dikupas dalam cerpen ini dengan menggunakan kaedah kreatif. Hal ini telah dikupas dengan menarik dalam cerpen 'Mendamba Puyuh di Air Jernih'. Kesengsaraan golongan masyarakat yang terpaksa mengadu nasib di bandar kerana pembangunan di kawasan tempat tinggal telah dilakarkan dengan menarik dalam cerpen ini. Akibat arus pembangunan, penghuni estet terpaksa merempat di kawasan bandar kerana mereka hanya mampu memanfaatkan dengan peluang pekerjaan di peringkat rendah sahaja.

Cerpen 'Lambaian Malar Hijau' ini pula mengisahkan cerita seorang anak orang asli yang bernama Daneng yang pintar. Daneng ingin berhenti daripada persekolahannya kerana terpenggil untuk menyelamatkan hutan daripada penceroboh. Namun demikian, Cikgu Jo telah menyedarkan pelajar tingkatan 4 ini bahawa pelajaran menjadi senjata yang penting untuk memperkasakan usahanya untuk membela hutan semula jadi. Selepas 25 tahun kemudian, Daneng telah berjaya mencapai cita-citanya dan mendapat gelaran kehormat Datuk. Dia juga menerima anugerah Hadiah Nobel kerana usahanya dalam menyelamatkan hutan belantara dan turut diberikan kepercayaan oleh kerajaan Brazil untuk memulihkan hutan di Lembangan Amazon.

Cerpen 'Lambaian Malar Hijau' yang bertemakan perasaan cinta dan sayang akan alam sekitar menegaskan bahawa perasaan tersebut perlu bersandarkan ilmu pengetahuan kerana tanpanya pendirian dan pendapat kita tidak akan dipedulikan. Kecintaan terhadap alam sekitar ialah mesej utama yang ingin disampaikan dan ditonjolkan oleh pengarang. Cerpen yang berlatarkan hutan rimba dan kasih sayang yang ditunjukkan oleh seorang anak muda terhadap hutan tersebut begitu menyentuh sekali. Pengarang menyedarkan kita bahawa masih ada generasi masa ini yang menjunjung keinginan untuk menjadi khalifah dalam memperjuangkan hutan dan alam semula jadi pada abad ini. Cerita ini juga turut menyarankan bahawa kita perlu pintar dan bersandar pada pendidikan dalam misi dan niatnya untuk terus menyelamatkan hutan serta alam sekitar daripada arus pembangunan dan pelestarian alam semula jadi. Cerita ini juga menjelaskan kepada kita nasib dan senario yang menimpa alam sekitar yang kini semakin nazak dan menjadi mangsa ketamakan manusia yang telah hanyut dalam arus pemodenan hingga mengabaikan jasa alam sekitar dalam proses pembentukan tamadun manusia. Oleh itu, manusia harus sedar dari mimpi untuk bangun dan bersama-sama semangat Daneng untuk terus memelihara kesejahteraan alam sekitar.

Penulis menggambarkan hutan yang dihuni oleh orang asli itu sangat indah dan mengasyikkan dengan kehadiran kicauan burung dan nyanyian serangga serta pelbagai jenis pokok yang mempesonakan. Secara tidak langsung, penulis juga telah menyentuh tentang sikap tamak haloba manusia dalam menjamin keindahan alam sekitar seperti menilai kegiatan pembalakan haram yang berleluasa di tempat tinggal orang asli. Cerpen ini turut menggambarkan kehidupan orang asli secara lahiriah dan batiniah yang bergantung sepenuhnya dengan hasil hutan. Mereka selesa dengan kehidupan yang sederhana, tidak terburu-buru mengejar masa dan hidup yang aman damai. Malahan kehidupan mereka cukup mesra dan rapat dengan alam semula jadi. Keseluruhan cerita ini dilihat dari kaca mata seorang guru yang bernama Cikgu Jo yang berasal dari bandar.

Kehidupan bandar turut dicirikan oleh kekurangan ruang. Hal ini juga disentuh dalam beberapa cerpen dalam kumpulan ini. Antaranya tentang isu kekurangan tanah perkuburan yang perlu dibeli dengan ribuan ringgit. Hal ini dikupas dalam cerpen 'Sewangi Bunga Tanjung'. Akhirnya cerita ini menyedarkan bahawa kita perlu memelihara persekitaran kita dengan pokok-pokok dan menikmatinya dengan baik.

Selain itu, pencemaran akibat daripada pengurusan sisa buangan yang tidak sistematik juga telah menyebabkan sumber air bersih tercemar. Misalnya, longgokan sampah di tapak-tapak pelupusan sampah telah menyebabkan terhasilnya sisa toksik yang seterusnya akan mengalir ke sungai-sungai dan sumber air bersih yang lain. Pengaliran sampah dan sisa toksik ini akhirnya menyebabkan air tercemar dan bekalan air bersih menjadi semakin berkurangan. Lebih memburukkan lagi krisis sumber air bersih ialah apabila simpanan air bawah tanah juga semakin berkurangan. Sedangkan air bawah tanah merupakan antara sumber bekalan air bersih yang cukup penting dan perlu dipelihara. Situasi ini terjadi dek kerana kegiatan pembalakan yang kian berleluasa pada hari ini sehingga menjejaskan kawasan tadahan air.

Kita tidak dapat menyangkal bahawa pembangunan bandar baru telah memberi sumbangan kepada kemajuan ekonomi dan sosial negara. Namun demikian proses ini turut menyebabkan wujudnya impak sosial yang negatif melalui peminggiran penduduk asal. Kajian Selvi Narayanan dan Katiman Rostam (2012) terhadap kawasan Putrajaya membuktikan bahawa proses

ini sebenarnya memberi pelbagai masalah ekonomi dan sosial yang kompleks akibat pemindahan yang dipaksakan ke atas mereka. Antara masalah yang dikenal pasti ialah masalah ketiadaan akses kepada peluang pekerjaan yang sesuai, kemudahan sosial terutamanya perkhidmatan pendidikan dan pengangkutan awam. Lebih daripada itu, isi rumah tersebut telah kehilangan kehidupan yang aman dan sejahtera di ladang yang telah di kecapi oleh mereka bergenerasi lamanya. Malahan kajian ini juga membuktikan bahawa kehidupan dalam persekitaran bandar yang baru adalah suatu cabaran yang getir buat kebanyakan isi rumah yang miskin dan berumur. Mereka berasa bahawa mereka telah dipinggirkan oleh pihak berkuasa berkaitan.

Dapatan kajian Selvi Narayanan dan Katiman Rostam (2012) telah dicitrakan dengan baik dalam cerpen bertajuk 'Mendamba Puyuh di Air Jernih'. Isu pembangunan estet dan kesannya terhadap penghuni estet dijelaskan dengan menarik dalam cerpen ini melalui watak protagonisnya, Munusamy. Imbauan nostalgianya mengangkat keperihan dan kesukaran yang terpaksa didepani oleh golongan penghuni ladang yang terpaksa tunduk kepada asakan pembangunan. Hasilnya, mereka terpaksa membawa diri mereka ke kawasan bandar untuk mengadu nasib mereka demi menyara keperluan keluarga mereka. Mereka menjadi penghuni bandar yang begitu asing dengan pengalaman yang dilalui oleh mereka sebelum itu. Mereka terpaksa membanting tulang dan meneruskan hidup mereka dalam sitausi baharu yang menuntut adaptasi dan akomodasi. Malahan yang lebih parah, kesan pambandaran ini turut mengheret pelbagai masalah kepada alam semula jadi dan dalam cerita ini diwakili oleh kepupusan dan kesukaran untuk memperoleh cendawan busut. Cerpen ini sebenarnya merakamkan resah hati seorang penghuni ladang yang kian hari kian lemah untuk mempertahankan pendiriannya untuk terus menetap di kawasan ladang yang dahulunya menjadi nadi ekonomi Malaysia.

Kehidupan bandar turut dicirikan oleh kesibukan. Isu ini telah disentuh juga dalam dua buah cerpen. Dalam cerpen 'Senjakala' kita diajak untuk menilai tabiat manusia yang menghuni kota yang terlalu obses dengan kerja dan mengejar material. Setelah kita meninggalkan dunia semua ini tidak mungkin membantu kita. Hal ini diutarakan dalam cerpen ini melalui watak Rita yang merindui suami dan tiga orang anaknya setelah terlibat dalam kemalangan jalan raya. Dia menyesali tindakannya yang terlalu sibuk sehingga mengabaikan keluarganya. Walaupun kini dia sedar tetapi dia sudah terlambat. Dalam cerpen 'Mengejar Impian' turut diperjelas kesibukan sebagai salah satu imej penting penghuni bandar. Masing-masing asyik kejar-mengejar untuk memperbaiki kehidupan mereka sehingga perlu mengorbankan nyawa berharga mereka.

Cerpen 'Kuak-kuak Di Batin' pula membicarakan akibat buruk kejuteraan genetik kepada umat manusia. Akibat terlalu bergantung kepada sains dan teknologi umat manusia sering alpa dan lalai. Mereka melanggar tatacara sains asli alam. Sungguhpun tindakan mereka dihalalkan dengan rasional bahawa tindakan mereka itu memberi kebaikan kepada manusia. Sebenarnya tindakan ini membawa kesan buruk kepada manusia. Perkembangan sains pengklonan manusia, mencetuskan pelbagai polemik dalam bidang sains dewasa ini. Watak Babalus dalam cerpen ini merupakan manusia yang memiliki dua perasaan yang saling berlumba untuk menguasai jiwanya yang eka. Adakalanya dia menjadi keliru antara perasaan dirinya sebagai manusia dengan perasaan seekor lembu. Melalui cerpen ini penulis mengajak kita membuat pertimbangan dan penilaian terhadap tindakan manusia yang menghalalkan apa jua perbuatan mereka dengan berlindung di sebalik isu pelestarian kehidupan mereka itu.

Maharam Mamat (2009) berpendapat bahawa alam sekitar dan pembangunan saling berinteraksi antara kedua-duanya. Dalam era yang dicirikan oleh rempuhan kemajuan dewasa ini, kita sedar bahawa pembangunan dan perkembangan sains dan teknologi tidak mampu dihindari. Secara langsung atau pun tidak langsung asakan pembangunan yang semakin drastik ini mendedahkan alam sekitar kepada pelbagai masalah. Lantaran itu, perjuangan untuk mempertahankan alam sekitar daripada kerakusan manusia tidak dapat dielakkan. Natiujahnya, kita terpaksa mencari jalan atau belajar untuk hidup sebagai sebahagian daripada ekologi kita. Oleh hal yang demikian, manusia perlu menjadi spesies yang harmoni dan bukannya sebagai spesies pembinasakan (Saroja Theavy, 2003a). Jika dihalusi kenyataan ini, jelas kepada kita bahawa Saroja Theavy sebenarnya meletakkan alam sekitar di tempat yang agak tinggi. Falsafah inilah yang tersuguh dalam cerpen-cerpennya. Kupasan tentang unsur alam yang digarap oleh Saroja Theavy dalam kumpulan cerpen *Keinginan Kecil di Celah Daun* menyerlahkan kepada kita betapa unsur alam mendominasi latar cerita dalam cerpen-cerpen nukilan beliau. Pelbagai isu yang berkaitan dengan alam sekitar dan alam semula jadi ini dijalinakan secara langsung atau secara tidak langsung dalam perkembangan plot cerita dalam kumpulan ini.

Cerpen-cerpen yang dimuatkan dalam kumpulan cerpen *Keinginan Kecil Di Celah Daun* ini menyuntik kesedaran kepada kita bahawa rempuhan pembangunan dan arus kemodenan menjadikan Malaysia dan masyarakatnya perlu menilai pendirian mereka terhadap alam sekitar. Keghairahan mengejar status sebuah negara maju telah mengheret kita ke persimpangan dilema serta keinginan yang bertopengkan kerakusan ini telah mencetuskan pelbagai situasi yang menagih manusia membuat muhasabah diri. Jelas kepada kita pembangunan pesat sektor ekonomi dan perindustrian serta kestabilan politik dan sosial telah memberikan taraf hidup yang selesa kepada rakyat dan melonjakkan imej negara di kaca mata dunia. Namun begitu, di sebalik keselesaan dan pembangunan tersebut timbulnya beberapa masalah sampingan yang boleh memudaratkan kehidupan masyarakat. Elemen sikap manusia perlu diberi perhatian segera sebelum masalah ini menjadi nazak dan parah. Manusia perlu memberikan tumpuan kepada unsur alam dan tidak memikirkan keuntungan jangka pendek semata-mata. Isu pencemaran turut menagih perhatian. Perbuatan kita yang melebarkan pencemaran yang merentasi sempadan geografi memerlukan kita memperkemas niat kita serta sedar sebelum nasi menjadi bubur. Ayuh, kita budayakan konsep bumi ini sebagai rumah kita untuk menyemarakkan lagi tanggungjawab kita terhadap bumi dan kita berperanan sebagai khalifah untuk melindungi khazanah ciptaan tuhan ini.

## KESIMPULAN

Sebagai penutup bicara kumpulan cerpen ini memperlihatkan beberapa penemuan bagaimana sastera berinteraksi dengan alam sekitar. Hal ini membuktikan bahawa karya sastera tidak sepatutnya berdiri dalam bentuk kekosongan yang tidak memberi

manfaat kepada pembaca, namun perlu mempunyai ilmu dari disiplin lain yang akan memantapkan nilai karya. Kita akui bahawa kajian berkaitan alam sekitar dalam sastera bukanlah satu kajian yang benar-benar baru di Malaysia. Sesungguhnya, penelitian karya sastera kebanyakannya dilihat dari sudut keindahan dan estetika tanpa kajian yang mendalam dalam perspektif ekologi atau alam sekitar. Pelbagai isu berkaitan dengan alam semula jadi dapat diteliti dengan melihat karya-karya sastera yakni persaingan antara spesies, kesan teknologi, sikap manusia terhadap alam, kesan guna tanah terhadap alam sekitar dan kemerosotan mutu alam sekitar akibat pencemaran.

Pembacaan cerpen-cerpen dalam kumpulan cerpen ini sebenarnya memberi pengalaman dan pengetahuan baru kepada pembaca terutamanya berhubung dengan kesedaran alam sekitar. Tidak keterlaluan jika saya tegaskan bahawa cerpen-cerpen dalam kumpulan cerpen ini sarat dengan elemen pengetahuan dan penuh maklumat. Cerpen-cerpen yang kaya dengan ilmu dan bicara alam sekitar ini mampu menyemai benih kesedaran dan keinsafan kepada umat manusia untuk terus menghargai dan peka kepada alam sekitar. Karya seumpama ini merupakan satu pendekatan yang wajar dicontohi oleh penulis-penulis yang lain. Karya-karya seumpama ini harus diamati dan direnung sedalam-dalamnya oleh seluruh anggota masyarakat supaya penyelesaian dapat dicapai untuk semua permasalahan yang melanda di ekosistem kita. Usaha ini perlu dilakukan secara berterusan. Kita sepatutnya belajar daripada sejarah dan pengalaman lampau agar pisang tidak berbuah dua kali. Umat manusia perlu menggunakan segala nikmat yang ada di atas muka bumi ini dengan sebaik mungkin dan tidak sekali-kali membiarkan berlakunya kerosakan ke atas nikmat yang telah dikurniakan.

## Rujukan

- AWER (2010). Penstrukturan semula industri air negara. Available from: <http://www.awer.org.my/indexbm.html>.
- Asan Ali Golam Hassan. (2004). 'Ekonomi Pembangunan', dlm. Asan Ali Golam Hassan (ed), *Prognosis Pembangunan Dan Transformasi Struktur*. Sintok: Penerbit UUM.
- Castells, M., (1997). *The Power of Identity*. Blackwell: Oxford.
- Hester, R. (2006). *Design for Ecological Democracy*. Cambridge, MA: The MIT Press.
- <https://skepticalscience.com/this-year-el-nino-real-enigma.html>. Access on: 30 November 2016
- Jabil Mapjabil, Mazdi Marzuki dan Zikri Muhammad. (2014). *Isu-Isu Petempatan Bandar Di Malaysia*. Petaling Jaya: UITM
- Kanapathy, V., (2008). "Controlling Irregular Migration: The Malaysian Experience". Kertas kerja dibentangkan di Regional Symposium on Managing Labour Migration in East Asia at Singapore.
- Krishanan Maniam. (2003). "Keinginan Kecil di Celah Daun". Kertas kerja dalam Diskusi Sasterawan Kaum India anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka dan Yayasan Karya Sasterawan India di Kuala Lumpur pada 16 Disember 2003.
- Lehan, Richard. (1998). *The City in Literature: An Intellectual and Cultural History*. Berkeley: U of California.
- Levy, Diane. (1978): "City Signs: Toward a Definition of Urban Literature". *Modern Fiction Studies* 1.24 65-73.
- Logeswary (2017). Citra Wanita Tamil Dalam Cerpen Saroja Theavy Balakrishnan. Tesis Sarjana Sastera: Universiti Malaya.
- Maharam Mamat, (2009) Prinsip pembangunan mampan dalam novel 'Desir Angin di Pergunungan'. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 10.
- Mana Sikana. (2005). *Teori Sastera Kontemperari*. Singapura: Pustaka Karya.
- Maniyamin Hj Ibrahim. (2005). *Citra Takmilah: Analisis Terhadap Kumpulan Puisi Islam*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Nirmala Kupusamy. (2014) Gelaja Sosial Dalam Kalangan Masyarakat India di Malaysia: Satu Kajian Sosiologi Sastera Terhadap Cerpen-Cerpen Terpilih Saroja Theavy. Disertasi Sarjana Sastera, Universiti Sains Malaysia.
- Noor Radzi Suratman (2001). Karya-karya Cerpen Penulis Generasi baru: Satu Kajian Psikologi. Latihan Ilmiah: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurul Ashikin Alias & Halimaton Saadiah Hashim. (2016). House Crow Presence as Unsustainable Urban Indicator? *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 4(Special Issue 2), 2016: 59 – 65
- Rusniah Ahmad, Mohamed Naiem Ajis dan Saadon Awang (2014). Permasalahan Pendatang Asing Tanpa Izin di Malaysia dari Aspek Sosial dan Perundangan dalam *26 Kanun* (2) [Disember 2014] 173-191.
- Raja Rajeswari Seetha Raman, Utusan Malaysia, 6 November 2005.
- Rancangan Malaysia yang Keempat. <http://www.pmo.gov.my/dokumenattached/RMK/RM4.pdf> Access on: 30 November 2016
- Saravanan P. Veeramuthu.(2013) "Keinginan Kecil Di Celah Daun: Satu Analisis Kritikan Eko", Seminar Sastera Pelbagai Kaum 2013. Anjuran Bersama Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan dan Dewan Bahasa Dan Pustaka Dengan Kerjasama Persatuan Penterjemahan dan Penulisan Kreatif Malaysia (Perspektif) , 4 September 2013 Dewan Orkestra, Aswara
- Saroja Theavy Balakrishnan. (2003a). 'Sastera Menobatkan Rasa Kemanusiaan' Dewan Sastera Januari 2003, 7-10.
- Saroja Theavy Balakrishnan (2003b). *Keinginan Kecil Di celah Daun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Selvi Narayanan dan Katiman Rostam (2012). Impak sosial pembangunan Bandar Baru Putrajaya terhadap penduduk asal: Kes isi rumah yang dipindahkan ke Taman Permata, Dengkil, Selangor. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space* 8 issue 4 (75-87)
- Siti Hajar Che Man. (2012). Kumpulan Cerpen Keinginan Kecil di Celah Daun: Kekuatan dan Keluarbiasaan Daya Bayang Saroja Theavy. Kertas Kerja karya Penulis Pelbagai Kaum Wilayah Utara, Pualau Pinang: Institut Pendidikan Guru Persekutuan, Pulau Pinang.
- Titscher, S, et.al.(2000). *Method And Text And Discourse Analysis*. London: Sage.
- Utusan Malaysia*, 25 Mac 2005: Cabaran Tangani Isu Setingan

WCED. (2007). Our Common Future (“The Brundtland Report”), The World Commission on Environmental and Development for the General Assembly of the United Nations. <http://www.are.admin.ch/themen/nachhaltig/00266/00540/00542/index.html?lan=en>. Access on: 30 November 2016

Saravanan P. Veeramuthu  
*Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan*  
*Universiti Sains Malaysia*  
([saravanan@usm.my](mailto:saravanan@usm.my))